

# UMS jalin kerjasama dengan Universiti of Hamburg

NST 09.11.2012 2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menjalankan kerjasama penyelidikan dan akademik dengan University of Hamburg, sebuah universiti terkemuka di Jerman.

Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) itu berlangsung di Jerman, Jumaat lepas.

UMS diwakili Pendaftar Datuk Abdullah Mohd Said manakala University of Hamburg oleh Dekan Fakulti Matematik, Informatik dan Sains Tabii, Prof Dr Henrich Graener dan Timbalan Dekan, Hal Ehwal Antarabangsa Prof Dr Ing

Ingenuin Gasser.

Mou tersebut merupakan lanjutan kepada memorandum antara kedua-dua pihak sebelum ini pada 2008.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dalam kenyataan hari ini berkata skop kerjasama itu tertumpu kepada pertukaran ahli akademik, penyelidik dan pelajar pra dan pasca siswazah.

Antara lain perjanjian itu membolehkan kedua-dua universiti itu meningkatkan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan penganjuran persidangan per-

ingkat antarabangsa.

Pada majlis itu, Prof Dr Graener dalam ucapannya berkata UMS telah membuktikan kemampuan sebelum ini dengan menyelia salah seorang pelajar dari University of Hamburg sehingga lulus dalam bidang perhutanan.

“Kita juga sedang memikirkan sistem pengajian baru antara pelajar universiti ini dengan UMS.

“Melalui sistem ini, pelajar University of Hamburg akan belajar selama tiga tahun di Jerman dan setahun lagi akan disambung di UMS,” katanya.